V.11/2019

# PENGELUARAN UMUR 55 TAHUN

**Bersiap sedia untuk peralihan persaraan**



## KELAYAKAN

- Ahli warganegara Malaysia atau bukan warganegara
- **55 - 59** Ahli berumur di antara 55 sehingga sebelum mencapai umur 60 tahun
- Mempunyai simpanan KWSP dalam Akaun 55

## KAEDAH PENGELUARAN

| Ahli dinasihatkan untuk membuat perancangan persaraan dan memilih Pengeluaran Umur 55 Tahun secara fleksibel mengikut kelayakan kaedah pengeluaran berikut: | Warga-negara | Bukan Warganegara | |
|---|---|---|---|
| | | Berdaftar sebelum 1 Ogos 1998 | Berdaftar pada/selepas 1 Ogos 1998 |
| **KESEMUA SIMPANAN**<br>• Permohonan pada bila-bila masa. | ✓ | ✓ | ✓ |
| **SEBAHAGIAN SIMPANAN**<br>• Tiada had amaun minimum.<br>• Permohonan pada bila-bila masa. | ✓ | ✓ | ✗ |
| **BAYARAN BULANAN**<br>• Pengeluaran minimum RM1,200.00 iaitu RM100.00 sebulan untuk sekurang-kurangnya 12 bulan.<br>• Had tempoh maksimum bayaran bulanan sehingga umur 100 tahun. | ✓ | ✓ | ✗ |
| **KOMBINASI**<br>• Sebahagian simpanan dan bayaran bulanan. | ✓ | ✓ | ✗ |
| **PENGELUARAN DIVIDEN SECARA SEKALIGUS (LUMP SUM)**<br>• Permohonan bayaran dividen tahunan ke atas simpanan tahun sebelumnya. | ✓ | ✓ | ✗ |
| **PENGELUARAN DIVIDEN SECARA BULANAN**<br>• Pengeluaran minimum RM600.00 iaitu RM100.00 sebulan untuk sekurang-kurangnya 6 bulan.<br>• Tempoh bayaran 6 hingga 12 bulan. | ✓ | ✓ | ✗ |
| **PENGELUARAN UMUR 55 TAHUN (PELABURAN)**<br>• Pindahan simpanan dari Akaun 55 hanya dibenarkan kepada Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik oleh KWSP.<br>• Permohonan pada bila-bila masa.<br>• Jumlah pindahan minimum RM1,000.00.<br>• Perlu mengekalkan simpanan minimum RM1,000.00 dalam Akaun 55.<br>• Permohonan secara dalam talian melalui i-Akaun (Ahli). | ✓ | ✓ | ✗ |



**PERHATIAN BAGI PENGELUARAN UMUR 55 TAHUN (PELABURAN):**

- *Ahli bertanggungjawab atas risiko pindahan simpanan yang dibuat ke IPD*
- *KWSP tidak bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerugian*
- *Ahli tidak akan memperolehi dividen yang diisytiharkan oleh KWSP ke atas amaun yang dipindahkan ke IPD*
- *KWSP akan melepaskan kawalan ke atas pindahan simpanan yang dibuat oleh ahli ke IPD*
- *Urusan pelaburan adalah diantara ahli dan IPD*

# SYARAT TAMBAHAN BAGI PEKERJA BERPENCEN

KWSP KWAP

**PENGIRAAN AWAL SYER KERAJAAN (Pre-PEN)**
Ahli dinasihatkan untuk membuat permohonan Pre-PEN terlebih dahulu.

# KELAYAKAN PENGELUARAN BAGI PEKERJA BERPENCEN

| **PENJAWAT AWAM BERSTATUS PEKERJA BERPENCEN**<br>Ahli boleh memilih Pengeluaran Umur 55 Tahun secara fleksibel mengikut kelayakan pengeluaran yang ditetapkan sekiranya masih mempunyai baki simpanan di KWSP setelah pengembalian caruman syer kerajaan kepada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) | **Kategori Pengeluaran** | |
|---|---|---|
| | Kesemua Simpanan | Kombinasi (Sebahagian / Bulanan) |
| **Permohonan Pengeluaran Umur 55 Tahun dan Pre-PEN Serentak**<br>Bayaran pengeluaran umur 55 tahun akan diproses selepas pengiraan Pre-PEN diluluskan (sekiranya ada baki Simpanan KWSP). | ✔ | ✘ |
| **Permohonan Pengeluaran Umur 55 Tahun selepas Pre-PEN diluluskan**<br>Bayaran pengeluaran umur 55 tahun akan diproses sekiranya ada baki Simpanan KWSP. | ✔ | ✔ |
| **Permohonan Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen (SPPB) dan Skim Pengeluaran Pesara Pilihan (SPP) telah diluluskan**<br>Bayaran pengeluaran umur 55 tahun akan diproses sekiranya ada baki Simpanan KWSP. | ✔ | ✔ |

# SALURAN PERMOHONAN






| i-Akaun (Ahli) / i-Akaun (Rakan Niaga) | Kaunter | Mel |
|---|---|---|
| Daftar i-Akaun | MyKad/Dokumen Pengenalan Diri | Borang Pengeluaran KWSP 9B (AHL) |
| Daftar nombor telefon bimbit di pejabat KWSP (untuk penerimaan *Transaction Authorisation Code (TAC)*) | Maklumat Akaun Bank Simpanan/Semasa ahli | MyKad/Dokumen Pengenalan Diri (yang disahkan) |
| Permohonan secara dalam talian | Borang Pengeluaran KWSP 9B (AHL) – untuk bukan pemegang MyKad | Borang KWSP 3 (pindaan) |

# KAEDAH BAYARAN

## BAYARAN DALAM MALAYSIA

- Pengkreditan terus ke Akaun Bank Simpanan/ Semasa ahli yang aktif
- Cek Jurubank

## BAYARAN LUAR MALAYSIA

**Draf Bank Asing**

- Matawang asing pilihan ahli adalah tertakluk kepada jenis matawang yang disenaraikan oleh KWSP.
- Jika matawang pilihan ahli tiada dalam senarai KWSP, bayaran akan dibuat dalam matawang US Dollar.

**INFO** Layari laman web rasmi KWSP untuk maklumat lanjut

KWSP | EPF